

Jabatan Perkhidmatan Awam
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6/1971

[Pengenaaan Pepereksaan Mengikut Tangga gaji Suffian]¹

Ada-lah di-dapati bahawa keraguan telah timbul berthabit dengan perkara yang tersebut di atas. Ini di-sebabkan bahawa kebanyakan tangga gaji Suffian hanya memperlihatkan satu sekatan pepereksaan. Dengan ini telah timbul pertanyaan sama ada hanya satu pepereksaan sahaja akan di-sharatkan berdasarkan sekatan tersebut atau pun ada-kah pepereksaan yang kedua juga akan di-kekalkan walau pun tidak terdapat sekatan pepereksaan yang kedua dalam tangga gaji itu.

2. Ada-lah di-jelaskan bahawa jabatan ini sedang menggubalkan sekim² perkhidmatan baharu selaras dengan tangga gaji Suffian dan pengenaaan pepereksaan² perkhidmatan akan di-dasarkan kepada keperluan sesuatu perkhidmatan mengikut tugas² yang terlibat. Dengan yang demikian, pengenaaan pepereksaan perkhidmatan tidak-lah akan terikat kepada berapa banyak-nya terdapat sekatan dalam satu² tangga gaji itu.

3. Perlu di-nyatakan bahawa keistimewaan (significance) meletakkan sa-suatu sekatan itu adalah berma'ana bahawa perlangkahan sesuatu sekatan tersebut akan terta'alok kepada syarat tertentu. Sekira-nya syarat tersebut tidak di-penuhi, maka sa-sa-saorang pegawai itu tidak akan di-benarkan melangkah sekatan tersebut dan ia-nya akan tertahan pada sekatan itu. Oleh kerana bagi kebanyakan tangga gaji Suffian sekatan pepereksaan kedua tidak di-letakkan, maka pepereksaan

kedua itu tidak-lah di-buat sebagai syarat untuk menahan sa-saorang itu dalam tangga gaji tingkatan tersebut tetapi ia-nya boleh di-sharatkan sebagai kelayakan bagi kenaikan pangkat seterusnya.

4. Dengan yang demikian, bagi tangga-gaji² yang hanya mempunyai satu sekatan pepereksaan, pepereksaan bagi maksud pengesahan dalam jawatan akan disharatkan untuk perkhidmatan tersebut. Sekira-nya di-dapati perlu di-adakan pepereksaan yang kedua, maka pepereksaan itu akan di-buat sebagai pepereksaan kelayakan untuk maju seterusnya ka tingkatan² yang lebih tinggi, walau pun tidak terdapat sekatan pepereksaan kedua dalam tangga gaji itu.

5. Bagi pegawai² dalam perkhidmatan² yang dahulu mensharatkan dua pepereksaan perkhidmatan, mereka hendak-lah terus mengambil pepereksaan² tersebut sehingga di-buat pindaan kepada sekim² perkhidmatan mereka. Pepereksaan yang pertama itu boleh-lah di-buat sebagai pengesahan dalam jawatan dan pepereksaan yang kedua pula di-buat sebagai pepereksaan kelayakan untuk kenaikan pangkat ka-tingkatan yang lebih tinggi.

1. Sila rujuk [P.P. Bil. 7/70](#), bertarikh 14.11.70.

6. Ketua² Jabatan ada-lah di-minta mengedarkan Pekeliling ini kepada semua pegawai yang berkhidmat di-bawah jagaan-nya supaya kandungan Pekeliling ini sampai kepada pengetahuan mereka.

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL AZIZ BIN MOHAMED)

Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,
Malaysia.

Semua Ketua2 Setiausaha Kementerian2

Semua Ketua2 Jabatan Persekutuan

Salinan: Y.B. Setia Usaha Kerajaan Negeri di-Malaysia Barat.